

TARIKH : 16 JUN 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5

FELDA komited bantu atasi isu sekuriti makanan

FELDA komited bantu atasi isu sekuriti makanan

Agensi rancang laksana projek tanaman jagung bijian, labur RM23j dalam industri ternakan

Kuala Lumpur: FELDA merancang melaksanakan projek tanaman jagung bijian di kawasan seluas 3,700 hektar dengan kerjasama FGV Holdings Berhad bagi membantu menyelesaikan isu kenaikan mendadak harga bekalan makanan untuk ternakan.

Jabatan Strategik FELDA dalam kenyataannya semalam berkata, agensi itu sentiasa proaktif dalam menyokong usahā keraja-

an, termasuk mengatasi isu sekuriti makanan negara, bertepatan dengan lima langkah menjamin sekuriti makanan negara.

“FELDA juga akan merancakkan industri ternakan ayam melalui kerjasama ladang kontrak dengan Ayamas Food Corporation Sdn Bhd dengan pelaburan berjumlah RM23 juta.

“FELDA memperkenalkan pelbagai inisiatif seperti Program Pembangunan Peneroka (PPP) yang diperkenalkan pada 2019 bagi mempelbagaikan dan meningkatkan pendapatan peneroka melalui aktiviti bukan berteraskan komoditi sawit serta getah,” menurut kenyataan itu.

Selain itu, FELDA memaklumkan bahawa pelaksanaan projek PPP diberi perhatian mengaplikasikan teknologi pintar seperti sistem cerapan dan penyiraman serta sistem pengaktifan suara.

Dalam kenyataan sama, Pengurus FELDA, Tan Sri Idris Jusoh,

berkata komitmen FELDA bagi menjayakan PPP adalah satu aspirasi yang cukup besar.

“Komitmen FELDA bagi menjayakan PPP bukan sahaja bagi meningkatkan pendapatan peneroka dan generasi baharu FELDA, tetapi juga merangkumi aspirasi yang lebih besar dalam membantu agenda nasional melalui sokongan yang jitu menjayakan Dasar Sekuriti Makanan Negara,” katanya.

Selain itu, inisiatif ini membantu menyokong Dasar Sekuriti Makanan negara dengan meningkatkan kadar sara diri (SSR), sekali gus mengurangkan kebergantungan import makanan negara.

Sehingga kini, sebanyak 8,543 projek PPP sudah diluluskan untuk dijalankan secara individu dan melalui pembabitan koperasi serta badan peneroka yang memanfaatkan 56,959 peneroka dan generasi baharu FELDA.

BERNAMA